

Tajuddin berhak tolak: Mahathir

BH 10 SEP 2000

Oleh ZAINUDDIN ISA dan HAZIRAH CHE SAB

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sudah menjadi hak Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali untuk menolak tawaran jawatan presiden dan ketua pegawai eksekutif Tenaga Nasional Bhd (TNB).

"Barangkali dia berasa nak kerja lain. Itu dia beliau," katanya pada sidang media selepas merasmikan bangunan KUB.com, di sini semalam.

Dr Tajuddin adalah bekas pengerusi eksekutif TNB. Tempoh perkhidmatan beliau tamat pada 31 Ogos lalu.

Kelmarin, pengerusi bukan eksekutif TNB, Datuk Dr Jamaludin Jarjis mengumumkan, Dr Tajuddin menolak tawaran jawatan presiden dan ketua pegawai eksekutif TNB.

Ditanya sama ada Tajuddin menolak tawaran itu kerana berperasaan sepele tidak diperlukan berikutan tawaran yang dibuat agak lewat, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Saya rasa mesti ada salah komunikasi. Saya berada di Amerika (pada masa itu)."

Beliau juga berkata, Dr Tajuddin menjelakan perpisahan dengan amat baik di angkatan perniagaan itu.

menolak tawaran itu walaupun keputusan itu tidak diduga," katanya pada sidang akhbar selepas memberi ucapan dan mengendalikan sesi dialog Sidang Kemuncak Perniagaan Multimedia (Panel Penasihat Antarabangsa) MSC-IAP Kedua di Seri Kembangan dekat sini, semalam.

Menurut seorang penganalisis di firma broker tempatan, tawaran kepada Dr Tajuddin dibuat apabila khabar angin mengenai Dr Ahmad Tajuddin meninggalkan TNB mencemaskan pelabur sehingga saham TNB jatuh teruk.

Beliau berkata, tawaran itu seolah-olah mahu menyejukkan hati pelabur bahawa TNB akan terus diketuai orang korporat yang berkeupayaan.

Mengenai isu royalti minyak, Datuk Seri Dr Mahathir kesal dengan kenyataan Kerajaan Pas Kelantan yang menyifatkan penukaran bayaran royalti minyak kepada pemberian ihsan sebagai sandiwara terbaru Kerajaan Pusat.

"Semuanya sandiwara. Sebenarnya saya datang di sini pun sebagai pelakon, semalam saya jadi pelakon. Apabila saya jadi pengerusi

Mengenai pelantikan Dr Jamaludin yang juga Ahli Parlimen Rompin, sebagai pengerusi TNB, Dr Mahathir berkata, beliau tidak sepatutnya dilihat sebagai ahli politik.

"Beliau juga ahli perniagaan. Beliau memahami perniagaan tetapi tidak lagi terbabit dalam perniagaan yang membabitkan tenaga," katanya.

Dr Jamaludin adalah bekas naib presiden PPE Power Corp Bhd.

Mengerusi cekosongan jawatan presiden dan ketua pegawai eksekutif, Dr Mahathir berkata: "Kalau tak ada kita kena cari orang lain." Bagaimanapun, beliau menambah, buat masa ini kerajaan belum ada calon untuk jawatan itu.

Beliau tidak menetapkan tempoh pengisian jawatan itu kerana sudah ada yang memangku jawatan itu, iaitu Datuk Fuad Jaafar, dulunya pengarah eksekutif dan naib presiden kanan (bekalan tenaga) TNB.

Dalam pada itu, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, berkata kerajaan memerlukan sedikit masa untuk mencari calon sesuai bagi mengisi jawatan Presiden/Ketua Eksekutif TNB.

"Keadaan itu berlaku kerana Lembaga Pengarah TNB dan kerajaan sendiri tidak menyangka Dr Ahmad Tajuddin akan menolak tawaran itu.

"Setakat ini, tidak ada calon lain kerana tidak menyangka perkara ini berlaku. Beliau sudah membuat keputusan menolak tawaran itu dan saya tidak boleh memberi komen bagi pihaknya.

"Beliau melakukan kerja dengan baik selama bersama TNB. Saya pasti beliau ada alasan tersendiri

mesyuarat IAP (Panel Penasihat Antarabangsa) saya pun jadi pelakon, semuanya pelakon. Jadi semuanya sandiwara," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan bangunan ibu pejabat baru KUB Malaysia Berhad di sini, petang semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, kelmarin yang menyifatkan kononnya isu bayaran wang ihsan hasil petroleum kepada kerajaan Terengganu sebagai satu sandiwara terbaru Kerajaan Pusat.

Menurut Nik Abdul Aziz, Kerajaan Terengganu sebenarnya berhak menerima royalti hasil petroleum dan hak itu tidak sepatutnya, ditukar menjadi pemberian wang ihsan oleh Kerajaan Pusat.

Sebelum ini, parti pembangkang itu turut menyifatkan kejadian rompak senjata api di kem tentera di Grik, Perak dan penahanan anggota kumpulan Al-Mau'unah di Bukit Jenalek, Sauk juga sebagai sandiwara Umno.

Perdana Menteri menegaskan, sebenarnya wang hasil petroleum di Terengganu itu adalah ihsan dan bukannya royalti.

"Cuma ihsan saja. Jadi jangan buat silap (di antara wang ihsan dan royalti). Yang kita bagi dulu pun sandiwara juga. Apabila kita berhenti sandiwara, kita tak bagi.

Mengenai dakwaan Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang bahawa jika ketiadaan wang berkenaan akan menyukarkan pentadbiran kerajaan berikutan penghapusan cukai pintu dan bayaran tol, Dr Mahathir berkata:

"Itu dia punya pilihanlah, dia nak batal. Dia tak mahu kutip cukai langsung pun tak apa."